



Institut Penyelidikan Perikanan
Jabatan Perikanan Malaysia

11960 Batu Maung, Pulau Pinang.
Tel: (604)-626 3925/26 | Faks: (604)-626 2210
Website: www.dof.gov.my | <https://fridof.gov.my/>



KOMPILASI LAPORAN KAJIAN-KAJIAN BIO-SOSIO-TEKNO-EKONOMI 2007 – 2018

Institut Penyelidikan Perikanan
Jabatan Perikanan Malaysia

Ibrahim Johari
Norhanida Daud
Abdul Rahman Abdul Majid
Kock Sip Pheng
Rozita Hani Safiei

Bahagian Penyelidikan Pentaksiran Impak 2018



KOMPILASI LAPORAN KAJIAN-KAJIAN BIO-SOSIO-TEKNO-EKONOMI 2007 – 2018

Institut Penyelidikan Perikanan
Jabatan Perikanan Malaysia

Ibrahim Johari
Norhanida Daud
Abdul Rahman Abdul Majid
Kock Sip Pheng
Rozita Hani Safiei

Bahagian Penyelidikan Pentaksiran Impak 2018

Tajuk / Perkara	Bil ms
Prakata	1
Kajian Kos dan Pulangan bagi Pukat Tunda 'Buaya' di Kedah 2007	20
Kajian Kos dan Pulangan Pukat Tunda Musim Tengkujuh dan Pukat Hanyut di Perairan Terengganu 2008	13
Analisis Kos dan Pulangan bagi Perkakas-perkakas Utama di Pantai Barat Semenanjung Malaysia 2008	51
Potensi Menternak Ikan Kerapu dalam Sangkar Separa Tenggelam (SST) di Pulau Layang-layang, Sabah 2009	6
Kajian Biososioekonomi Perikanan Udang Galah di Sungai Rembau, Negeri Sembilan dan Lubuk China, Melaka : Impak 'Restocking' Benih Udang Galah 2009	8
Kajian Sosioekonomi Nelayan-nelayan Pantai Negeri Kelantan 2010	24
Kajian Sosioekonomi Perikanan Tuna di Semporna, Sabah 2010	21
Study on the Cockle Farming Productivity in Selangor 2013	8
Kajian Bioekonomi Perikanan Tuna di Semporna, Sabah 2013	7
Kajian Impak Sistem Penentuan Lokasi Penangkapan Ikan atau 'Fish Site Identification' (FSI) terhadap Industri Perikanan di Semenanjung Malaysia 2014	39
Kajian Impak Pelaksanaan Mata Keroncong Pukat Tunda bersaiz 38mm terhadap Sosioekonomi Nelayan 2014	11
Kajian Impak Pukat Karan terhadap Nelayan Artisanal di Pulau Pangkor dan Manjung, Perak 2015	19
Kajian Perikanan Gamat di Perairan Kuantan, Pahang 2015	12
Kajian Bioekonomi Ternakan Kerang di Selangor 2015	17
Kajian Impak Perlombongan Bauksit terhadap Perikanan Belangkas ('Horseshoe Crab') di Perairan Kuantan, Pahang 2016	6
Kajian Sosio-ekonomi Perikanan Bilis di Perairan Kelantan 2016	15
Kajian Sosio-ekonomi Perikanan Darat di Lembangan Sungai Muar, Johor 2016	14
Kajian Bioekonomi bagi Spesifikasi Pukat Tunda Zon B di negeri Perak 2016	7
Kajian Sosio-ekonomi Perikanan Darat di Lembangan Sungai Perak Utara 2016	23
Kajian Sosio-ekonomi Perikanan Bubu Kamban atau Bubu Naga di Semenanjung Malaysia 2016	11
Kajian Perikanan Pukat Tebar Sotong menggunakan Lampu di Perairan Kedah 2017	15
Sub-Kajian Sosio-ekonomi Pekerja Darat Industri Perikanan Siput Retak Seribu di Perairan Kedah 2017	10

Kajian Sosio-ekonomi Perikanan Darat di Lembangan Sungai Kelantan : Gua Musang dan Kuala Krai 2017	21
Status Perikanan dan Sumber Ikan Kembong / Temenung / Pelaling (<i>Rastrelliger</i> spp.) di Pantai Barat Semenanjung Malaysia 2018	15

PRAKATA

Sosioekonomi adalah kajian hubungan antara aktiviti ekonomi dan kehidupan sosial. Ia menggunakan teori dan kaedah yang merangkumi sosiologi, ekonomi, sejarah dan adakalanya psikologi. Sasaran kajian sosioekonomi pada asasnya menjurus kepada pembangunan sosioekonomi; KDNK, jangka hayat, tahap celik huruf, kadar pekerjaan dan sebagainya.

Penyelidikan sosioekonomi merupakan salah satu bidang aktiviti yang paling penting bagi Cawangan Sosioekonomi, Bahagian Penyelidikan Pentaksiran Impak. Cawangan ini mengkaji fenomena yang terletak di persimpangan sosial dan ekonomi masyarakat, khasnya komuniti nelayan dan penternak. Sambil melaksanakan penyelidikan pemasaran dan sosio-politik, terdapat keperluan untuk maklumat tentang tahap pembangunan sosioekonomi, kualiti hidup, masalah tempatan dan tingkah laku.

Penyelidikan sosioekonomi yang dilaksanakan cawangan ini adalah rumit dan komprehensif. Tinjauan mengenai isu sosioekonomi perikanan harus bermula dengan makna dan pemahaman yang jelas tentang apa yang dimaksudkan dengan "sosioekonomi". Lebih penting lagi, apa kaitannya ia dengan pengurusan perikanan.

Menurut FAO 2003,

The term 'socioeconomic' need to be handled with some care. It does not really indicate a particular disciplinary focus, and in most cases, the work carried out by socio-economists, would be better divided between sociologists and economists carrying out their respective analyses, through clearly working closely together.

Pengurusan perikanan adalah mengenai menguruskan tingkah laku sosial dan ekonomi masyarakat mengenai eksploitasi perikanan. Hasilnya, aspek sosioekonomi perikanan telah dikenal pasti sebagai kunci kepada pengurusan perikanan global. Oleh itu, tingkah laku dan motivasi nelayan (dan penternak) perlu difahami dengan lebih jelas, memandangkan mereka memainkan peranan kritikal dalam mamstikan kelestarian dan kemapanan sumber perikanan negara. Oleh itu, penyelidikan strategik dan bermakna, mengenai sosioekonomi perikanan merupakan syarat yang harus dipatuhi.

Kajian Kos dan Pulangan bagi Pukat Tunda 'Buaya' di Kedah 2007

Ibrahim Johari

Departemen Penyelidikan dan Pengurusan Sumber Perikanan Marin (DPPSPM), Terengganu

1.0 Pengenalan

Pukat 'buaya', iaitu sejenis pukat tunda 'high-opening' telah mula dipraktikkan di perairan Kedah pada awal tahun 2006 oleh pengusaha bot-bot pukat tunda Zon B yang bersaiz >30 GRT yang kebanyakan pemiliknya merupakan kaum Cina. Rekabentuk pukat ini dipercayai berasal dari Thailand dan merupakan satu inovasi baru yang dilakukan oleh nelayan ke arah meningkatkan kecekapan peralatan. Walaupun begitu, hanya tekong bot yang berkemahiran sahaja yang berupaya mengendalikan peralatan ini dengan baik.

Penggunaan pukat ini telah menimbulkan bantahan daripada nelayan-nelayan pantai (**Lampiran 1 & 2**) kerana pengusaha-pengusahanya cenderung menceroboh perairan pantai (Zon A) untuk mendapatkan hasil tangkapan yang lebih banyak. Pengusaha-pengusaha bot pukat tunda Zon B yang bersaiz kecil <25 GRT (kebanyakannya terdiri daripada kaum Melayu) dan juga pengusaha peralatan artisanal lain mendakwa hasil tangkapan mereka telah menurun sejak pukat ini diusahakan di perairan Zon B, Kedah.

Bagi mengenalpasti keupayaan dan keberkesanan pukat jenis ini berbanding pukat tunda yang lain terhadap penangkapan sumber perikanan, maka Jabatan Perikanan telah menjalankan satu kajian melibatkan penggunaan perkakas ini di perairan Kedah selama empat hari, bermula 20 Ogos, 2007.

2.0 Kaedah Kajian

2.1 Jenis Pukat Tunda yang Dikaji

Tiga jenis pukat tunda Zon B bersaiz 30 GRT iaitu pukat tunda udang, pukat tunda ikan dan pukat 'buaya' dipilih untuk tujuan kajian perbandingan hasil tangkapan. Sembilan buah bot iaitu 3 pukat tunda udang, 3 pukat tunda ikan dan 3 pukat 'buaya' telah dipilih.

2.2 Kawasan Kajian

Tiga zon kawasan kajian telah dipilih bagi mengenalpasti jenis-jenis tangkapan daripada ketiga-tiga jenis bot tersebut, iaitu Zon A (kurang dari 5 batu nautikal), Zon B (antara 5 hingga 12 batu nautikal) dan Zon C (lebih dari 12 batu nautikal). Penundaan untuk persempelan telah dibuat serentak di ketiga-tiga kawasan kajian.

2.3 Persampelan

Kajian telah dijalankan pada waktu malam. Setiap bot menempatkan 3 orang kakitangan iaitu 2 orang kakitangan teknikal penyelidikan dan seorang kakitangan Pejabat Perikanan Negeri (PPN) Kedah bagi membantu kajian dari segi komunikasi dan navigasi di laut. Kajian berlangsung selama lima hari iaitu dari 20 - 25 Ogos 2007.

2.4 Pengumpulan Maklumat Kos Perikanan

Maklumat kos berkaitan perikanan diperolehi melalui kaedah temubual dengan nelayan yang mengusahakan bot pukat tunda Zon B di Kuala Kedah. Maklumat ini dikumpulkan dengan menggunakan borang khas.

2.5 Analisis Nilai Hasil Tangkapan dan Pulangan.

1. Hasil tangkapan daripada vesel-vesel kajian diperolehi daripada analisis yang dijalankan oleh kakitangan penyelidik.

2. Kesemua hasil tangkapan vesel kajian dinilai dengan menggunakan harga purata ikan berdasarkan maklumat daripada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan juga pemerhatian terus semasa jualan di pelantar pendaratan.
3. Resit jualan setiap trip daripada vesel kajian dikumpul dan difotokopi.
4. Hasil jualan daripada vesel-vesel yang tidak terlibat dalam kajian juga dirujuk bagi mendapat gambaran tentang perbezaan nilai hasil tangkapan.

3.0 Keputusan dan Perbincangan

3.1 Nilai hasil tangkapan

Bot yang menggunakan Pukat Tunda Buaya yang menunda di kawasan Zon A memperoleh nilai hasil tangkapan yang lebih tinggi berbanding menunda di kawasan Zon B dan Zon C.

Nilai hasil tangkapan bot yang menggunakan Pukat Tunda Buaya dan Pukat Tunda Ikan adalah hampir sama jika mereka beroperasi di kawasan Zon B dan Zon C (**Jadual 1**). Ini menunjukkan Pukat Tunda Buaya memang cukup berkesan sekiranya digunakan di kawasan Zon A.

Nilai hasil tangkapan Pukat Tunda Ikan juga adalah satu kali ganda lebih tinggi dari kawasan Zon A berbanding nilai hasil tangkapan yang diperolehi dari kawasan Zon B dan Zon C. Hasil tangkapan Pukat Tunda Udang pula cuma 30% lebih tinggi di kawasan Zon A berbanding hasil yang diperolehi daripada penundaan di kawasan Zon B dan juga Zon C. Secara keseluruhannya, hasil yang diperolehi oleh Pukat Tunda Udang jauh lebih rendah berbanding dengan Pukat Tunda Buaya dan Pukat Tunda Ikan.

Jadual 1 : Nilai hasil tangkapan (RM) yang diperolehi oleh vesel-vesel kajian

Trip	Karau	Pukat Buaya			Pukat Tunda Ikan			Pukat Tunda Udang		
		Zon			Zon			Zon		
		A	B	C	A	B	C	A	B	C
1	1	2,166.56	573.03	431.88	1,646.18	867.98	317.12	614.32	462.83	258.48
	2	1,524.52	738.21	494.20	862.23	866.76	382.05	391.05	235.09	229.41
	3	1,994.22	715.91			727.37		353.19	349.77	
2	1	1,423.22	407.63	798.36	948.92	737.11	294.73	381.92	236.43	296.16
	2	3,028.60	368.01	676.78	661.36	623.31	344.79	509.10	265.12	
	3		393.43		520.72	527.87		195.77		
3	1	662.60	348.86	414.47	720.57	226.02	586.85	416.21		523.25
	2	4,002.70	285.15	262.58	368.71	92.67	518.22	283.48		292.34
	3		241.07							
4	1	1,285.17	294.86	528.13	418.94	259.66	486.00	520.90	247.68	249.40
	2	936.86	336.73	571.19	1,480.61	199.10	466.50	439.10	230.95	219.19
	3		285.75			215.30			301.49	
Purata hasil (RM)		1,891.60	415.72	522.20	847.58	485.74	424.53	410.51	291.17	295.46

3.2 Pulangan daripada Hasil Tangkapan

Pulangan bersih (RM) bagi setiap karau yang diperolehi oleh vesel-vesel kajian adalah seperti dalam **Jadual 2**. Nilai pulangan ini setelah ditolak anggaran kos purata bagi setiap karau (pukat) yang ditanggung oleh bot pukat tunda Zon B (>30 GRT) iaitu RM274.00 per karau (**Jadual 4**). Jika bot-bot ini beroperasi di kawasan Zon C, anggaran kos adalah sekitar RM300.00 bagi setiap karau.

Pulangan hasil tangkapan yang diperolehi oleh bot Pukat Tunda Buaya dan Pukat Tunda Ikan menguntungkan di semua zon terutama kawasan Zon A. Hasil kajian ini menunjukkan pengusaha atau tekong bot Pukat Tunda Buaya atau Pukat Tunda Ikan cenderung memasuki Zon A semata-mata untuk mendapatkan pulangan yang lebih tinggi. Bot yang menggunakan Pukat Tunda Udang pula hanya memperolehi keuntungan sekiranya beroperasi di kawasan Zon A. Ini mungkin antara sebab kenapa pengusaha Pukat Tunda Udang mencerooboh kawasan Zon A.

Jadual 2 : Pulangan bersih (RM) setiap karau yang diperolehi oleh vesel-vesel kajian

Trip	Karau	Pukat Buaya			Pukat Tunda Ikan			Pukat Tunda Udang		
		Zon			Zon			Zon		
		A	B	C	A	B	C	A	B	C
1	1	1,892.56	299.03	131.88	1,372.18	593.98	17.12	340.32	188.83	-41.52
	2	1,250.52	464.21	194.20	588.23	592.76	82.05	117.05	-38.91	-70.59
	3	1,720.22	441.91			453.37		79.19	75.77	
2	1	1,149.22	133.63	498.36	674.92	463.11	-5.27	107.92	-37.57	-3.84
	2	2,754.60	94.01	376.78	387.36	349.31	44.79	235.10	-8.88	
	3		119.43		246.72	253.87		-78.23		
3	1	388.60	74.86	114.47	446.57	-47.98	286.85	142.21		223.25
	2	3,728.70	11.15	-37.42	94.71	-181.33	218.22	9.48		-7.66
	3		-32.93							
4	1	1,011.17	20.86	228.13	144.94	-14.34	186.00	246.90	-26.32	-50.60
	2	662.86	62.73	271.19	1,206.61	-74.90	166.50	165.10	-43.05	-80.81
	3		11.75			-58.70			27.49	
Purata hasil (RM)		1,617.60	141.72	222.20	573.58	211.74	124.53	136.51	17.17	-4.54

3.3 Komposisi Tangkapan Utama

Ikan kembong pelaling (*Rastrelliger brachysoma*), ikan tamban sisik (*Sardinella fimbriata*) dan ikan bawal putih (*Pampus argentius*) dan udang (*Peneaus* dan *Metapenaeus*) merupakan hasil tangkapan utama dari kawasan Zon A bagi ketiga-tiga jenis pukat yang dikaji (**Jadual 3**). Di kawasan Zon B, selain daripada ikan kembong pelaling, sotong, udang dan ikan tenggiri adalah penyumbang utama. Bagi Pukat Tunda Udang pula, hasil tangkapan utama terdiri daripada ketam, udang dan ikan gelama dari kawasan Zon B. Sotong, ikan kerisi dan ikan gelama merupakan hasil tangkapan utama di kawasan Zon C.

Jadual 3 : Jenis-jenis ikan yang menjadi penyumbang utama kepada nilai hasil tangkapan

Pukat Buaya			Pukat Tunda Ikan			Pukat Tunda Udang		
Zon			Zon			Zon		
A	B	C	A	B	C	A	B	C
Kembong	Kembong	Sotong	Kembong	Kembong	Sotong	Kembong	Udang	Udang
Tamban	Sotong	Kerisi	Tamban	Sotong	Kerisi	Tamban	Ketam	Ketam
Bawal putih	Udang	Gelama	Bawal putih	Tenggiri	Gelama	Bawal putih	Gelama	Gelama
Udang	Tenggiri		Udang	Udang		Udang		Kerisi
						Ketam		

3.4 Pembahagian Hasil (Sistem Panggu)

Kebanyakan bot pukat Tunda Zon B (> 30 GRT) di Kuala Kedah ini bercorak komersial yang mana pemilik bot tidak turun ke laut sebaliknya berkongsi dengan tekong yang bukan pemilik bot.

Berdasarkan persetujuan perkongsian, tuan punya bot akan mengambil 20% daripada jumlah hasil tangkapan. Baki 80% lagi akan ditolak dengan semua perbelanjaan operasi. Lebihan perbelanjaan operasi itu akan dibahagi sama rata antara tekong dan tuan punya bot. Hasil jualan ikan baja juga akan dikongsi sama rata antara tekong dan tuan punya bot.

Awak-awak yang bekerja di atas bot diberi upah tetap sekitar RM50.00 sehari bekerja atau lebih kurang di antara RM800.00 - RM1,000.00 sebulan bergantung kepada jumlah hari bekerja. Di samping itu, awak-awak juga diberi ikan yang bernilai lebih kurang RM20 seorang untuk dibawa pulang ke rumah bagi setiap trip balik dari laut sebagai suguhati. Jika hasil tangkapan yang diperolehi lumayan, bonus yang diberi kepada awak-awak hanyalah bergantung kepada ihsan tekong. Oleh itu, perolehan yang tinggi hasil penggunaan Pukat Tunda Buaya tidaklah banyak membantu meningkatkan taraf hidup awak-awak/kru bot.

Berdasarkan sistem upah tetap ini, pendapatan keseluruhan awak-awak yang bekerja di atas bot jenis ini masih berada di atas paras kemiskinan (RM550.00). Walaupun begitu, apa yang diterima kru ini tidaklah begitu kompetitif. Ini adalah antara sebab-sebab mengapa kebanyakan penduduk tempatan tidak berminat untuk bekerja di atas bot perikanan sebagai kru bot.

Ekonomi Perikanan Pukat Tunda Zon B (> 30 GRT) di Kuala Kedah ini telah mengalami "Economy differentiation" yang mana pemilik tidak mengusahakan sendiri tetapi hanya membuat pelaburan dengan menggunakan nelayan/kru bot sebagai buruh perikanan ("fishing labour").

3.5 Kesan Pukat Tunda Buaya ke atas Sumber Perikanan dan Sosioekonomi Nelayan

Kos membuat Pukat Tunda Buaya adalah lebih tinggi (RM12,000.00 sebidang) berbanding Pukat Tunda Ikan (RM8,000.00). Untuk mengerjakannya memerlukan kemahiran yang tinggi.

Penggunaan Pukat Tunda Buaya ini telah mendapat bantahan daripada nelayan-nelayan pantai di Negeri Kedah dan Pulau Pinang selepas beberapa lama ia diusahakan (**Lampiran 1 dan 2**) kerana keupayaannya yang sangat tinggi dan menyebabkan pendapatan mereka

merosot serta mengancam peralatan-peralatan lain. Nelayan menerusi pengalaman dan pemerhatian mereka mendapati Pukat Tunda Buaya akan merosakan sumber dengan memerangkap banyak anak ikan. Pencerobohan Pukat Tunda Buaya ke kawasan Zon A akan meningkatkan lagi kemusnahan ini di samping mengurangkan kepadatan spesies ikan kembong, tenggiri, bawal dan udang putih yang menjadi sasaran tangkapan kepada nelayan-nelayan pantai yang mengusahakan pukat hanyut dan lain-lain alat tradisi.

Jika Pukat Tunda Buaya ini diusahakan di kawasan Zon B, ia merupakan pesaing tegar kepada bot Pukat Tunda Zon B bersaiz kecil (< 25 GRT) dan juga lain-lain peralatan. LKIM Kuala Kedah melaporkan, nilai pendaratan bulanan daripada bot-bot Pukat Tunda Zon B bersaiz kecil dan lain-lain peralatan telah menurun 80% daripada RM230,000.00 kepada RM30,000.00 yang didakwa berpunca daripada penggunaan Pukat Tunda Buaya. Bot-bot pukat tunda bersaiz kecil dilaporkan turut sering mengalami kerugian (**Jadual 5**).

Di kawasan Zon C (>12 batu nautikal), alat ini masih menunjukkan kelebihan berbanding Pukat Tunda Ikan (**Jadual 1 & 2**). Pada masa ini, Pukat Tunda Buaya ini adalah 20% lebih cekap berbanding Pukat Tunda Ikan. Penggunaan pukat ini untuk jangka panjang di kawasan Zon C juga akan merumitkan pengurusan perikanan kerana mungkin berlakunya peningkatan 'fishing capacity' yang tidak terkawal dan akhirnya akan menjejaskan sumber perikanan. Ini kerana kedalaman air di kawasan Zon C hanya sekitar 40 - 60 meter sahaja dan Pukat Tunda Buaya ini akan diubahsuai oleh pengusaha.

Penggunaan Pukat Tunda Buaya di semua kawasan hanya memberi pulangan yang lumayan kepada beberapa individu tertentu sahaja iaitu tekong bot dan pemilik bot. Sebaliknya, komuniti nelayan pantai terpaksa menanggung kos kerugian pendapatan dan kos kemerosotan sumber keseluruhannya. Memandangkan kos yang begitu besar yang akan ditanggung oleh komuniti nelayan, adalah wajar pukat ini dicegah penggunaannya. Dengan jumlah sumber yang terhad dan statusnya telah merosot, maka wajarlah Pukat Tunda Buaya ini diharamkan agar perkongsian sumber adalah seimbang antara semua peralatan.

4.0 Cadangan dan Saranan

1. Pukat Tunda Buaya memiliki kecekapan yang sangat tinggi berbanding Pukat Tunda Ikan dan perlu dicegah penggunaannya di kawasan Zon A, B dan C.
2. Untuk mengelakkan konflik yang berterusan, Pukat Tunda Zon B bersaiz >30 GRT perlu dilesenkan dan beroperasi di kawasan Zon C (>12 batu nautikal).
3. Penguatkuasaan perlu ditingkatkan.
4. Pukat Tunda Buaya ini cuma sesuai untuk pengusaha meneroka perikanan laut dalam.

Jadual 4 : Maklumat daya usaha dan kos-kos yang di tanggung oleh bot Pukat Tunda Zon B (>30 GRT) yang beroperasi di Perairan Kedah 2007.

Jenis alat	1		2		3		4		5		6		7		8		9		10		11		12		13		14		15		16		17		18		19		20		Purata kos satu karau %										
	KHF 1768 PTU/PTI	8	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10												
Modal bot dan peralatan	400,000	140,300	220,300	206,500	111,070	168,000	149,000	423,000	120,300	219,500	108,000	132,300	350,000	151,000	202,000	115,000	110,000	170,000	151,000	151,000	151,000	151,000	151,000	151,000	151,000	151,000	151,000	151,000	151,000	151,000	151,000	151,000	151,000	151,000	151,000	151,000	151,000	151,000	151,000	151,000	151,000										
Daya usaha	8	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10									
Bili trip sebulan	960	960	960	960	960	828	960	960	960	840	840	1056	840	1056	960	1008	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900							
Bili karau setahun	960	960	960	960	960	828	960	960	960	840	840	1056	840	1056	960	1008	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900	900						
Kos operasi																																																			
Minyak diesel	204,000	180,000	144,000	180,000	168,000	144,000	168,000	180,000	144,000	156,000	180,000	144,000	204,000	132,000	180,000	120,000	120,000	120,000	120,000	120,000	120,000	120,000	120,000	120,000	120,000	120,000	120,000	120,000	120,000	120,000	120,000	120,000	120,000	120,000	120,000	120,000	120,000	120,000	120,000	120,000	120,000	120,000	120,000	120,000	120,000	120,000	120,000				
Minyak pelicin	5,400	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000			
Makanan	7,560	6,000	6,000	6,000	5,880	5,280	5,280	5,280	5,280	6,480	6,000	6,000	7,680	6,480	7,200	9,600	9,600	9,600	9,600	9,600	9,600	9,600	9,600	9,600	9,600	9,600	9,600	9,600	9,600	9,600	9,600	9,600	9,600	9,600	9,600	9,600	9,600	9,600	9,600	9,600	9,600	9,600	9,600	9,600	9,600	9,600	9,600	9,600	9,600		
Pukat	2,000	800	800	800	4,000	4,000	4,000	5,000	1,000	5,000	3,000	4,800	6,000	3,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000		
Gaji Crews	69,120	43,200	43,200	43,200	55,200	55,200	55,200	72,000	37,800	63,000	66,000	50,400	66,000	72,000	46,080	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000			
Air tawar DLL	288,080	236,000	200,000	236,000	238,480	215,080	238,480	268,280	194,116	236,530	261,000	208,836	289,716	217,095	243,530	195,060	176,850	209,050	254,280	248,280	248,280	248,280	248,280	248,280	248,280	248,280	248,280	248,280	248,280	248,280	248,280	248,280	248,280	248,280	248,280	248,280	248,280	248,280	248,280	248,280	248,280	248,280	248,280	248,280	248,280	248,280	248,280	248,280			
Sub-total (RM)																																																			
Kos tetap																																																			
Penyelenggaraan																																																			
Badan bot	2,500	2,500	2,500	2,500	2,500	2,500	2,500	2,500	1,000	5,000	3,500	5,000	5,000	5,000	4,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000			
Engine and gear	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	1,100	8,000	3,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000		
Alat pelayaran	500	500	500	500	500	500	1,500	2,000	500	500	300	700	600	200	300	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500	500		
Alat perikanan	900	900	900	900	1,900	1,450	2,000	6,000	175	5,000	3,000	5,000	5,000	5,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000			
Lesen	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200			
Pejagaan bot	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400	2,400				
Cas jeti	150	105	105	105	105	105	105	105	175	100	150	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100			
Insuran crew	720	3,000	3,000	3,000	1,020	720	1,070	1,120	500	1,200	500	1,200	1,120	1,120	1,120	1,120	1,120	1,120	1,120	1,120	1,120	1,120	1,120	1,120	1,120	1,120	1,120	1,120	1,120	1,120	1,120	1,120	1,120	1,120	1,120	1,120	1,120	1,120	1,120	1,120	1,120	1,120	1,120	1,120	1,120	1,120	1,120				
Telephone/wireless	1,070	15,605	12,605	15,605	15,125	13,875	15,775	27,470	5,350	23,000	10,550	21,000	24,470	17,470	20,120	2,695	12,175	18,075	14,995	16,17	16,17	16,17	16,17	16,17	16,17	16,17	16,17	16,17	16,17	16,17	16,17	16,17	16,17	16,17	16,17	16,17	16,17	16,17	16,17	16,17	16,17	16,17	16,17	16,17	16,17	16,17	16,17				
Sub-total (RM)																																																			
Kos melepasi																																																			
Modal (1.5% p.a)	6,000	2,105	3,305	3,098	1,666	2,520	2,235	6,345	1,805	3,2																																									

Jadual 5 : Hasil tangkapan yang di perolehi oleh bot pukot tunda Zon B (<25 GRT) yang diperolehi dari LKIM, Kuala Kedah.

	KHF 1181			KHF 1768			KF5127			KHF 900			KF2618			KHF201		
	1			2			3			4			5			6		
	Kg	Harga	Nilai	Kg	Harga	Nilai	Kg	Harga	Nilai	Kg	Harga	Nilai	Kg	Harga	Nilai	Kg	Harga	Nilai
Alu-alu	3	7	21															
Bawal putih besar													0.65	29	18.9	0.45	28	12.6
Bawal putih sedang				1	15	15							0.2	14	2.8	0.8	18	14.4
Bawal putih kecil				3	10	30							0.3	6	1.8	0.1	6	0.6
Bawal tambak																0.5	43	21.5
Gelama besar							10	2.5	25							2.1	3.5	7.35
Gelama sedang							20	1.5	30	47	1.8	84.6				1	2	2
Gelama kecil	9	1	9				20	1	20							2.1	1.1	2.31
Gerut							2	0.8	1.6									
Kapas							2	2	4	18	3	54						
Ketam besar				1	7	7							4	5	20	2.9	7	20.3
Ketam sedang				2	4	8	2	4	8				3	3.5	10.5	5.2	4	20.8
Ketam kecil				10	3	30	1	3	3				3.5	2	7	2.5	1.8	4.5
Ketam hijau																2.1	8	16.8
Kerisi besar							2	4.5	9							0.5	4.8	2.4
Kerisi sedang							5	2.5	12.5							0.5	3	1.5
Kerisi kecil							15	1.2	18									
Kerisi campur	13	2	26							26	1.8	46.8						
Kedera	6.5	2	13	3	0.8	2.4												
Pari																1.5	1	1.5
Pelata										3	1.5	4.5	21.5	1.3	28			
Pelaling													47	0.7	32.9			
Rambai							1	0.8	0.8									
Selayang																1	0.7	0.7
Sotong A	3	8	24							3	8	24				26.5	8.7	231
Sotong B				1	6	6												
Sotong C										1.5	2.8	4.2	0.3	2.6	0.78			
Sotong Arus A							0.5	8	4									
Sotong Arus B							1	6	6	7	5	35				0.4	5	2
Sotong Arus C							1	3	3				1	2.5	2.5	2.5	2.5	6.25
Sebelah				1	1.3	1.3												
Tamban				90	0.5	45												
Temenong	280	1	280	400	0.5	200				6	2	12						
Tengkerong besar																0.5	4.5	2.25
Tengkerong				2	1	2							1.6	0.9	1.44	1.5	0.9	1.35
Tenggiri batang A													1.6	4.5	7.2			
Tenggiri batang B													25	3	75			
Tenggiri batang C													4	2.5	10	8.7	3	26.1
Tenggiri kecil	4	1.5	6										5.3	0.8	4.24			
Udang besar	5	36	180										0.8	28	22.4	1.6	27	43.2
Udang sedang	4.5	23	104										2	24	48	2.5	20	50
Udang Sedang B	25	15	375										2.8	20	56	0.5	14	7
Udang sedang C				5	8	40	0.5	12	6				1	5	5			
Udang kecil													3.5	5	17.5			
Udang lipan				10	0.8	8	3	1	3									
Ikan Campor	5	0.55	2.75	12	0.5	6	90	0.8	72	150	0.55	82.5	61.5	0.6	36.9	15.6	0.5	7.8
Total	358	1040		541	400.7		176	225.9		261.5	347.6		190.6	408.8		83.55	505.8	
Anggaran kos purata		480			480			480			480			480				480
Pulangan bersih (RM)		560.3			-79.3			-254			-132			-71.2				25.76

Nota : Anggaran pulangan berdasarkan kos setiap karau adalah RM160.00 dengan 3 karau setiap trip harian.

Lampiran 1 : Berita berkaitan Pukat Tunda Buaya di Kedah

03 Ogos, 2006 09:19 AM

BERNAMA.COM

Bot Pukat Buaya Ancam Hidupan Laut Dan Nelayan Pantai

ALOR STAR, 3 Ogos (Bernama) -- Kewujudan bot pukat buaya menggunakan sejenis pukat yang boleh memerangkap hidupan laut dari dasar sehingga permukaan laut kini menjadi ancaman serius kepada nelayan kecil di Kuala Kedah selain boleh menyebabkan sumber laut pupus dalam masa beberapa tahun. "Pukat buaya" (daripada jenis pukat tunda) berpermukaan luas dan bergerak setengah meter dari dasar laut sehingga ke permukaan laut sambil memerangkap segala jenis spesies hidupan laut termasuk ikan bilis, anak ikan tenggiri dan ikan banang di permukaan laut.

Para nelayan yang ditemui meminta kerajaan segera mengharamkan penggunaan pukat itu kerana ia menjejaskan tangkapan mereka selain tidak memberi peluang untuk ikan kecil membesar.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Kedah Abdul Hamid Bahari berkata bot pukat buaya yang menangkap ikan sehingga lima atau enam batu nautika dari pantai dikesan di Kuala Kedah sejak awal tahun ini. "Pada mulanya terdapat satu atau dua buah sahaja tetapi kini terdapat antara 40 dan 50 beroperasi di perairan Kuala Kedah," katanya kepada Bernama di sini hari ini. **Berbanding dengan bot pukat tunda yang biasanya membawa pulang purata 40 bakul ikan baja, sebuah bot pukat buaya pula mampu meraih sehingga 200 bakul ikan baja setiap kali keluar menangkap ikan.** "Saya khawatir jika kerajaan tidak segera bertindak mengharamkan penggunaan pukat buaya, sumber perikanan negara akan terjejas dalam masa dua tahun lagi," kata Abdul Hamid. Menurutnya seramai 1,200 orang nelayan Kuala Kedah telah menandatangani memorandum bantahan bagi mengharamkan pukat buaya untuk diserahkan kepada Jabatan Perikanan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan kepada Menteri Besar Kedah Datuk Seri Mahdzir Khalid. Mohamed Nordin Bakar, 61, nelayan pantai dari Kampung Hilir Tandop, Kubang Rotan, dekat sini berkata bahawa selepas kejadian tsunami pada Disember 2004, hasil tangkapan masih memuaskan tetapi keadaan menjadi sebaliknya sekarang.

"Dulu saya boleh dapat sehingga RM200 sekali turun menangkap ikan hanya di kawasan dua atau tiga batu (nautika) dari pantai tetapi kini jika boleh dapat RM20, saya rasa cukup bersyukur," kata Mohamed Nordin yang telah 30 tahun menjadi nelayan pantai. Jurucakap nelayan Kubang Rotan, Hashim Hasan, **berkata kegiatan bot pukat buaya mengancam rezeki lebih 100 orang nelayan pantai kawasan itu sejak enam bulan lepas sehingga ada yang telah menjual bot mereka kerana tidak tahan menanggung kerugian.** Hasil yang mereka diperolehi adalah ikan-ikan kecil seperti kembung dan sedikit udang setiap kali turun ke laut, katanya.

Hashim mendakwa bot pukat buaya itu datang dari Johor dan Perak kerana penggunaannya diharamkan oleh kerajaan kedua-dua negeri itu. Beliau berharap kerajaan Kedah turut mengharamkan penggunaan pukat buaya itu. Seorang lagi nelayan Kubang Rotan, Sobry Abdullah, 42, **juga mengadu mengenai kemerosotan hasil tangkapan sejak Januari lepas.** Katanya nelayan Kubang Rotan agak bernasib baik kerana hasil tangkapan dijual sendiri oleh isteri mereka di pelantar Kampung Hilir Tandop.

-- BERNAMA

Lampiran 2 : Berita berkaitan Pukat Tunda Buaya di Pulau Pinang

oleh Faiza Zainudin. *Berita Harian November 2007*

CAP Minta Larang Guna Pukat Boya Penggunaan sebabkan anak ikan pupus, rosakkan jaring dipasang nelayan pantai

GEORGETOWN: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mahu Jabatan Perikanan negeri mengambil tindakan segera menghapuskan penggunaan pukat boya yang semakin berleluasa di perairan negeri ini. Presidennya, S M Mohamed Idris, berkata tindakan segera itu perlu kerana penggunaan pukat boya yang diubahsuai dari pukat tunda menyebabkan hidupan laut termasuk anak ikan musnah.

Beliau berkata, pukat itu bukan saja memerangkap anak ikan sehingga mengalami kepupusan malah merosakkan jaring pukat yang dipasang nelayan kecil akibat dilanggar bot pukat boya berkenaan. "Akibat tindakan nelayan yang menggunakan pukat boya ini, pendapatan nelayan pantai mengalami kemerosotan dari RM200 sehari kepada RM100 sehari.

"Anak benih ikan berkualiti tinggi seperti tenggiri, senangin dan udang banyak yang mati kerana terperangkap pada pukat berkenaan," katanya dalam kenyataan media di sini, semalam.

S M Mohamed berkata pihaknya menerima banyak aduan dari nelayan pantai di kawasan Balik Pulau yang mengadu nelayan yang menggunakan pukat boya itu menceroboh kawasan tangkapan mereka pada waktu malam. Beliau berkata, nelayan yang mengganggu kawasan nelayan sedia meletakkan jaring pukat itu kebanyakannya berpangkalan di Batu Maung dan Teluk Bahang.

Katanya, di samping menjejaskan pendapatan harian, kegiatan nelayan pukat berkenaan menyebabkan nelayan mengalami kerugian besar akibat kerosakan jaring dilanggar bot pukat boya.

"Kami difahamkan masalah ini berlaku sudah berlarutan sejak tiga tahun lalu, namun sehingga sekarang tiada tindakan berkesan yang diambil pihak berkuasa berkenaan. "Kami bimbang jika penggunaan pukat ini dibiarkan berterusan, kehidupan nelayan pantai akan lebih terancam serta menggugat sektor perikanan negara pada masa depan," katanya.

Sehubungan itu, katanya, tindakan tegas perlu diambil mengikut Akta Perikanan 1985 seperti yang pernah dilaksanakan Jabatan Perikanan di Kedah, dua tahun lalu. Januari lalu, lebih 4,000 nelayan pantai di negeri ini menyerahkan memorandum bantahan mengenai perkara kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Lampiran 3 : Borang kajian

JABATAN PERIKANAN MALAYSIA, DPPSPM, TERENGGANU

BORANG A. KAJIAN KOS & KAPASITI MENANGKAP IKAN

Maklumat Kos dan Operasi

Nama:	Tarikh:
-------	---------

1. Maklumat bot menangkap ikan

No Bot:	Pusat Pendaratan:	Negeri :
Jenis Enjin:	Kelajuan bot: knot	Kuasa Kuda:

Bil	Soalan	Pilihan Jawapan										
2	Jenis vesel / peralatan	Pukat Tunda : Ikan / Udang.										
3	Maklumat responden	1 – Pemilik vesel dan tidak ke laut 2 – Pemilik vesel dan terlibat dalam operasi tangkapan 3 – Tekong 4 – Pengurus										
4	Maklumat daya usaha tangkapan	Bilangan hari operasi sebulan: _____ (2007) _____ (2006) Bilangan trip operasi sebulan: _____ (2007) _____ (2006) Bilangan hari setiap trip : _____ Bilangan labuh/karau/pukat setiap trip, _____ Purata jam/lama menunda setiap labuh/karau/pukat : _____ jam										
5	Maklumat vesel	<table border="1"> <tr> <td>Tahun dibina</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Tahun dibeli</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Harga badan vesel</td> <td>RM</td> </tr> <tr> <td>Saiz bot, GRT</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Enjin (kuasa kuda)</td> <td></td> </tr> </table>	Tahun dibina		Tahun dibeli		Harga badan vesel	RM	Saiz bot, GRT		Enjin (kuasa kuda)	
Tahun dibina												
Tahun dibeli												
Harga badan vesel	RM											
Saiz bot, GRT												
Enjin (kuasa kuda)												
6	Maklumat enjin dan peralatan enjin	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Enjin</th> <th>Peralatan enjin</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>i. Tahun dibeli</td> <td>i. Tahun dibeli</td> </tr> <tr> <td>ii. Harga : RM</td> <td>ii. Harga : RM</td> </tr> <tr> <td>iii. Jenama</td> <td></td> </tr> <tr> <td>1 – Baru 2 - Terpakai</td> <td>1 – Baru 2 - Terpakai</td> </tr> </tbody> </table>	Enjin	Peralatan enjin	i. Tahun dibeli	i. Tahun dibeli	ii. Harga : RM	ii. Harga : RM	iii. Jenama		1 – Baru 2 - Terpakai	1 – Baru 2 - Terpakai
Enjin	Peralatan enjin											
i. Tahun dibeli	i. Tahun dibeli											
ii. Harga : RM	ii. Harga : RM											
iii. Jenama												
1 – Baru 2 - Terpakai	1 – Baru 2 - Terpakai											

7	Pukat / peralatan tangkapan	<table border="1" data-bbox="609 248 1422 479"> <thead> <tr> <th data-bbox="609 248 869 331">Jenis peralatan/ Pukat</th> <th data-bbox="869 248 1015 331">Bil</th> <th data-bbox="1015 248 1219 331">Harga seunit</th> <th data-bbox="1219 248 1422 331">Ukuran mata pukat</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td></tr> <tr><td> </td><td> </td><td> </td><td> </td></tr> </tbody> </table> <p data-bbox="609 510 1445 607"> 7.1 Bilangan hari mengusahakan setiap peralatan sebulan _____ hari _____ hari _____ hari </p>	Jenis peralatan/ Pukat	Bil	Harga seunit	Ukuran mata pukat																																												
Jenis peralatan/ Pukat	Bil	Harga seunit	Ukuran mata pukat																																															
8	Sejak bila mengusahakan alatan pukat buaya/pukat tunda	_____ tahun																																																
